



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SEMARAK@MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL 2024 “MUZIUM & PERMOTORAN”

SELANGOR, 11 Ogos 2024 - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui agensinya Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah melaksanakan program Semarak@Muzium Automobil Nasional 2024 yang bertemakan Muzium & Permotoran pada hari ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara bertempat di Muzium Automobil, PETRONAS Sepang International Circuit, Sepang, Selangor.

Program Semarak@Muzium Automobil Nasional 2024: Muzium & Permotoran ini merupakan salah satu inisiatif muzium untuk menyemarakkan peranan muzium dalam usaha menjalinkan hubungan dan kerjasama di antara komuniti tempatan, pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Program ini merupakan program *signature* bagi muzium-muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan julung kali dianjurkan oleh Muzium Automobil Nasional (MAN). Tahun ini juga genap 20 tahun penubuhan MAN yang terletak di Litar Antarabangsa Petronas Sepang, Selangor.

YBhg Datuk Azman dalam ucapannya berkata “institusi muzium mempunyai peranan yang lebih besar kepada masyarakat dan tidak sekadar menjadi pusat pembelajaran tidak formal tetapi juga perlu memberi fokus kepada pelbagai pendekatan yang sesuai bagi memenuhi kehendak pelawat yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza seperti pelajar, penyelidik, keluarga,

kumpulan pelancong (domestik dan luar negara) serta pencinta warisan dan peminat koleksi permotoran yang merupakan antara produk pelancongan di Sepang.

Tambah Datuk Azman lagi, beliau sangat mengalakkan agar MAN akan terus berusaha mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang lebih kreatif, berimpak tinggi dan berinovatif dengan aplikasi teknologi terkini agar institusi muzium ini terus kekal relevan dan menjadi produk pelancongan di daerah Sepang dan juga di peringkat Negeri Selangor.

Bagi program kali ini, pelbagai pengisian dan aktiviti menarik yang dihidangkan kepada pengunjung antaranya ialah Bicara Automotif dan pandu uji motor elektrik (EV) oleh Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii), Kempen Derma Koleksi oleh Bahagian Pengurusan Koleksi, Jabatan Muzium Malaysia, Khidmat Konservasi Koleksi, aktiviti Sukan Rakyat Pertandingan Motor Berhias Tema Merdeka, Pertandingan Busana Merdeka, pameran koleksi motor klasik seperti Yamaha RX-Z, Volvo klasik dan Camper Van, hadiah cabutan bertuah dan pelbagai lagi.

MAN turut mempamerkan koleksi kenderaan bermotor vintaj, klasik dan koleksi motor Electric Vehicle dengan kerjasama rakan-rakan NGO yang terpilih. Selain itu, MAN turut bekerjasama dengan Petronas Sepang International Circuit dalam mempromosikan Kejohanan berprestij (Malaysia Championship Series – Round 3) yang telah berlangsung bermula 9 Ogos hingga 11 Ogos 2024 di Grandstand Litar Antarabangsa Petronas Sepang.

Kementerian Perpaduan Negara

11 Ogos 2024